

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 2 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12559
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah prinsip kebertanggungjawaban fiskal yang digariskan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (2023) dapat meningkatkan rasionalisasi pelaburan wang awam yang dilakukan oleh agensi Kerajaan dengan mengambil iktibar daripada kerugian pelaburan Khazanah Nasional Berhad dan PNB dalam FashionValet.

2. PN-1533-L13077
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat projek-projek pembangunan untuk Wilayah Persekutuan Labuan selain daripada pemasangan 180 buah kamera litar tertutup yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025.

3. PN-1533-L12515
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah pihak berkuasa dalam menangani isu peniaga warga asing yang sewenang-wenangnya mendirikan kedai sementara di bahu jalan dan berniaga di pasar malam. Adakah mereka mempunyai permit perniagaan atau lesen berniaga khas yang dikeluarkan oleh pihak PBT bagi menjalankan perniagaan tersebut.

4. PN-1533-L12997
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam menangani masalah kekurangan tenaga kerja mahir, khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI), digitalisasi, dan ekonomi hijau, bagi tempoh lima tahun akan datang.
5. PN-1533-L12623
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam membantu membangunkan negeri bersaiz kecil seperti Perlis yang menghadapi kekangan untuk menjana hasil negeri berikutan kekurangan infrastruktur yang mencukupi untuk menjana pelaburan industri berprofil tinggi.
6. PN-1533-L12735
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang yang diambil bagi memastikan jumlah doktor dan kapasiti fasiliti adalah mencukupi di kawasan yang mempunyai ramai pesakit dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah perkhidmatan kepakaran bagi memastikan setiap hospital mempunyai tenaga kerja berkemahiran dalam bidang yang diperlukan.
7. PN-1533-L13063
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan lagi hasil minyak sawit serta eksport produk berasaskan sawit.
8. PN-1533-L12408
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
 - (a) apakah strategi dan persiapan Kementerian untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026; dan
 - (b) apakah halangan dan cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha untuk mempersiapkan Tahun Melawat Malaysia ini.
9. PN-1533-L12804
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan status terkini warga Palestin yang dibawa dari Mesir untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, kebajikan dan kelangsungan hidup serta memastikan mereka mendapatkan status sah atau dokumentasi rasmi yang diperlukan.

10. PN-1533-L12380
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah sokongan yang diberikan oleh Kementerian kepada industri media dan penyiaran tempatan terutama dalam menghadapi cabaran transformasi digital. Bagaimanakah Kementerian merancang untuk meningkatkan daya saing industri media di Malaysia.
11. PN-1533-L12677
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) telah diperkasakan oleh Kementerian dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan yang kian rapuh kebelakangan ini.
12. PN-1533-L12363
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah peruntukan bagi membaik pulih dan membina Klinik Kesihatan di Sarawak dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk kawasan Saratok bagi tahun 2025.
13. PN-1533-L12914
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah penambahbaikan dan pengemaskinian yang diambil untuk memastikan bahawa semua institusi pendidikan tinggi mengintegrasikan nilai integriti, tatakelola dan antirasuah dalam kurikulumnya bagi membantu Kerajaan melahirkan tenaga penggerak pembangunan negara yang berintegriti, menitikberatkan tatakelola yang baik dan yang memecahkan putaran ganas rasuah.
14. PN-1533-L12747
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah kekayaan rakyat mengikut bangsa serta peratusan semasa di Malaysia.
15. PN-1533-L13064
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) peratusan pengangguran dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) serta langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu pengangguran serius dalam kalangan OKU; dan

- (b) jumlah OKU yang telah mendapat manfaat daripada program seperti *Penjana Kerjaya* dan *Job Coach*, serta butiran peruntukan secara terperinci yang digunakan bagi pengambilan OKU dalam sektor pekerjaan melalui program-program ini.
16. PN-1533-L12956
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah terkini daripada Kementerian dalam menjayakan pendidikan inklusif untuk pelajar berkeperluan khas khususnya anak-anak autism di Sabah.
17. PN-1533-L13088
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan cukai dalam pelbagai bentuk yang dikutip di negeri Kelantan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020, 2021, 2022, dan 2023.
18. PN-1533-L12875
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan tahap pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran daripada pelaburan langsung asing (FDI), kepada pekerja tempatan dan PKS dalam rantai bekalan.
19. PN-1533-L12922
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan dan peratus ketua isi rumah di negara ini yang masih belum memiliki rumah sendiri, dan apakah usaha Kerajaan untuk membantu golongan tersebut.
20. PN-1533-L12503
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan projek pilot pemakaian Body Worn Camera (BWC) oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam mengekang aktiviti penyeludupan di pintu masuk negara dan apakah bentuk penambahbaikan yang disarankan bagi memperkasa tahap profesionalisme dalam kalangan anggota JKDM.
21. PN-1533-L12388
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi tahun 2013 hingga 2023.

22. PN-1533-L12630
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah bantuan dana dan promosi oleh pihak Kementerian mengenai industri fesyen, tekstil dan gaya hidup yang menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara selain mampu menjana pendapatan tinggi serta menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya pengusaha kraf dan tekstil negara.
23. PN-1533-L12351
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan daripada peruntukan bajet yang besar yang telah dibentangkan untuk tahun 2025, berapakah peruntukan bagi bekalan air luar bandar di Sarawak dan berapakah jumlah projek bekalan air luar bandar bagi kawasan Saratok pada tahun 2025.
24. PN-1533-L12836
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 bagi mengemas kini dan menyelaraskannya dalam usaha membendung sindiket perjudian dalam talian.
25. PN-1533-L13023
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan memorandum persefahaman (MoU) pelaburan yang telah ditandatangani di luar negara yang sudah direalisasikan pelaburannya dan berapakah nilainya.
26. PN-1533-L12482
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan syarikat, nombor telefon dan nombor akaun bank yang terkandung dalam senarai Semak Mule di bawah seliaan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Apakah usaha yang sedang dibuat untukewartakan penggunaan senarai ini oleh orang awam.
27. PN-1533-L12595
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Ombudsman kewangan bagi menangani aduan terhadap agensi pengutip hutang dan bagaimanakah peranan Ombudsman ini dalam memastikan penyelesaian yang adil bagi pengguna yang mengalami gangguan daripada agensi pengutip hutang.

28. PN-1533-L13031
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah definisi rasmi Kerajaan bagi istilah maha kaya dan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang tergolong dalam kategori tersebut mengikut kaum.
29. PN-1533-L12855
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) untuk menyelenggara jalan-jalan di negeri Pahang dari tahun 2021 hingga 2023.
30. PN-1533-L12966
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pengambilan pelajar daripada kaum India ke institusi pengajian tinggi awam (UA), Politeknik, dan Kolej Komuniti bagi tahun semasa.
31. PN-1533-L12752
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan mempunyai polisi yang khusus dalam memelihara dan melindungi kelestarian ekosistem marin; dan
 - (b) penjelasan Kerajaan berkenaan langkah-langkah yang diambil bagi menyelaraskan dan meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi, serta penguatkuasaan dan penglibatan komuniti dalam memelihara dan melindungi kelestarian ekosistem marin.
32. PN-1533-L12658
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan agensi-agensi pelaburan negara sentiasa mematuhi polisi dan juga melakukan penilaian risiko (*risk assessment*) terhadap pelaburan yang dilakukan kerana kes-kes kerugian dalam pelaburan melibatkan Khazanah Nasional Berhad dan PNB ini kerap kali berlaku.
33. PN-1533-L12603
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan infrastruktur sekolah-sekolah daif di negeri Sabah seperti SK Batu Putih Sandakan yang memerlukan dana bagi membaik pulih serta menyelenggara infrastruktur sekolah tersebut.

34. PN-1533-L12931
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah khusus yang dirancang Kerajaan dalam Bajet 2025 untuk mengurangkan ketidakpastian ekonomi global dan tekanan fiskal, serta memastikan bantuan kepada rakyat berpendapatan rendah ataupun golongan B40 diteruskan dengan lebih berkesan.
35. PN-1533-L12713
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Belanjawan 2025 akan menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya tahan diplomatik Malaysia dalam menangani krisis geopolitik yang sedang berlaku seperti konflik peperangan di Ukraine, Yaman, Lubnan dan Palestin.
36. PN-1533-L12421
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif proaktif Kementerian dalam usaha untuk membantu golongan usahawan kecil terutama dalam kalangan B40 dan usahawan belia di kawasan pedalaman dan luar bandar di Sabah dan Sarawak.
37. PN-1533-L12368
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah pencapaian Kementerian dalam agenda transformasi digital terutama dalam menyediakan perkhidmatan yang efisien dan mesra rakyat. Apakah inisiatif terkini Kementerian untuk mempercepatkan digitalisasi sektor awam agar dapat meningkatkan ketelusan, kecekapan, dan responsif kepada rakyat.
38. PN-1533-L12400
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian meneliti dan mengambil kira tahap kecekapan dan profesionalisme seorang guru mengikut keperluan sebelum menempatkan mereka di sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan.
39. PN-1533-L12527
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memastikan perlindungan, pemulihan dan kebajikan kesemua orang kanak-kanak yang dimasukkan secara serentak di tempat-tempat selamat susulan Ops Global yang membanteras kegiatan eksploitasi kanak-kanak oleh GISBH.

40. PN-1533-L12450
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) pecahan jumlah permohonan kewarganegaraan mengikut alamat kampung atau rumah panjang bagi setiap daerah di Sarawak; dan
 - (b) jumlah permohonan tersebut yang telah diputuskan dan diluluskan menjadi warganegara mengikut daerah di Sarawak.
41. PN-1533-L13011
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) perincian mengenai senarai 117 lantikan politik yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ke dalam syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) setakat Jun yang lalu; dan
 - (b) mekanisme khusus untuk mengukur prestasi lantikan politik dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan badan berkanun.
42. PN-1533-L12670
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan keberhasilan dan peratusan pengagihan dana *Ecological Fiscal Transfers* (EFT) pada tahun 2024 mengikut negeri-negeri yang menerima peruntukan ini.
43. PN-1533-L12611
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2024; dan
 - (b) statistik bilangan yang diluluskan mengikut kewarganegaraan asal pemohon dan agama yang dianuti.
44. PN-1533-L12492
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan dalam menangani isu Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) untuk memastikan pekebun kecil sawit di Sarawak yang mengusahakan tanah adat mereka tidak terjejas.

45. PN-1533-L12549
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pandangan Kerajaan berhubung penurunan momentum pengukuhan ringgit yang kini diasak risiko geopolitik, serta langkah-langkah konkrit yang diambil untuk memastikan kestabilan ringgit dan mengurangkan kesan faktor luaran terhadap ekonomi negara.
46. PN-1533-L13100
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang diambil untuk menangani kes keganasan rumah tangga yang semakin meningkat. Apakah program sokongan yang lebih terarah kepada mangsa yang tinggal di kawasan luar bandar dan sukar diakses, serta kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun yang sudah berkahwin.
47. PN-1533-L12883
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam pengambilan pelajar dari luar negara untuk membantu pengenalan dan promosi kebudayaan dan warisan negara Malaysia di peringkat antarabangsa.
48. PN-1533-L12986
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan penyertaan Malaysia ke BRICS dan rasional tindakan dari sudut kesan hubungan dengan Amerika.
49. PN-1533-L12741
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Jaringan Keselamatan Sosial yang sedia ada berkesan dan efektif dalam membanteras kemiskinan dan membantu kumpulan rentan.
50. PN-1533-L12583
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi Institut Sosial Malaysia (ISM) dalam meningkatkan kapasiti kakitangan sosial terutama dari segi kemahiran kaunseling dan pemulihan psikososial bagi menangani kes-kes kebejatan sosial seperti keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat.

51. PN-1533-L12812
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memupuk minat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar dari peringkat sekolah rendah ke sekolah menengah.
52. PN-1533-L12761
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana Kementerian merancang untuk memanfaatkan Mesyuarat Pegawai Kanan dan Delegasi Persidangan Antarabangsa sempena Kepengerusian Asean 2025 bagi meningkatkan hubungan dagang ekonomi dan diplomatik negara.
53. PN-1533-L13051
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan sekiranya berlaku inflasi akibat kenaikan kadar gaji minimum serta langkah strategik yang diambil untuk mengurangkan inflasi.
54. PN-1533-L12893
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cara syarikat swasta untuk mendapat manfaat pelepasan cukai di bawah program *National Structured Internship Programme* (MySIP) tanpa mendaftarkan diri dalam platform *MyNext*. Berapakah syarikat yang telah berjaya menyertai program ini dan mendapat manfaat pelepasan cukai tanpa membayar kos penggunaan platform tersebut.
55. PN-1533-L12430
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang untuk memaksimumkan penggunaan Litar Antarabangsa Sepang bagi acara sukan permotoran lain atau aktiviti sukan yang berkaitan untuk memastikan ia terus relevan dan memberikan manfaat kepada ekonomi tempatan.
56. PN-1533-L12785
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah punca terjadinya fenomena *underemployment* khususnya dari segi kadar *skills-related underemployment* dan *time-related underemployment* untuk 5 tahun kebelakangan ini dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

57. PN-1533-L12535

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah strategik dan komprehensif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa, khususnya dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti swasta.

58. PN-1533-L12695

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberhasilan reformasi institusi sehingga kini dan apakah status Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan pengasingan kuasa antara badan eksekutif dan perundangan negara yang dicadangkan melalui pengembalian semula perundangan Akta Perkhidmatan Parlimen.

59. PN-1533-L12642

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah dan pendirian tegas Kerajaan selepas pertemuan Sidang Kemuncak Negara Arab-Islam baharu-baharu ini termasuk meraih sokongan negara Arab dan Islam bagi menghalang keputusan Parlimen Israel untuk 'melenyapkan' Agensi Bantuan dan Pekerjaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) untuk pelarian Palestin di Asia Barat.

60. PN-1533-L12901

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperkasakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dengan menambah jumlah sesi dan kelas bagi prasekolah, sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan PPKI mengikut jumlah kepadatan penduduk.

61. PN-1533-L12863

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sebab kekurangan perwakilan dari masyarakat Cina dalam pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan semasa; dan
- (b) garis masa untuk pelantikan Hakim Besar Malaya yang baharu.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|----|--|----------------------------|
| 1. | *(D.R.42/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
| | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 2. | *(D.R.32/2024) Rang Undang-undang Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
| | [Menteri Kesihatan] | |
| 3. | *(D.R.13/2024) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 4. | *(D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 | Bacaan Kali Pertama |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 5. | *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024 | Bacaan Kali Pertama |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 6. | *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024 | Bacaan Kali Pertama |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 7. | *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024 | Bacaan Kali Pertama |
| | [Menteri Kewangan] | |

8. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
9. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
10. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
11. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
12. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Pengangkutan]**
13. *(D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [Menteri Sumber Manusia]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN 2024</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|---|---------------------------------------|
| CMD. 12 | Tinjauan Ekonomi 2025 / Economic Outlook 2025 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 13 | Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025 / Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2025 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 15 | Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 16 | Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 17 | Senarai Perjawatan di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 18 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 | 2 Disember 2024 |
| CMD. 19 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Johor | 2 Disember 2024 |
| CMD. 20 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Kedah | 2 Disember 2024 |
| CMD. 21 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Kelantan | 2 Disember 2024 |
| CMD. 22 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Melaka | 2 Disember 2024 |
| CMD. 23 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Negeri Sembilan | 2 Disember 2024 |
| CMD. 24 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Pahang | 2 Disember 2024 |
| CMD. 25 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Perak | 2 Disember 2024 |
| CMD. 26 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Perlis | 2 Disember 2024 |
| CMD. 27 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Pulau Pinang | 2 Disember 2024 |
| CMD. 28 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Sabah | 2 Disember 2024 |
| CMD. 29 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Sarawak | 2 Disember 2024 |

| <u>TAHUN 2024</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|--------------------------|--|---------------------------------------|
| CMD. 30 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Selangor | 2 Disember 2024 |
| CMD. 31 | Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Terengganu | 2 Disember 2024 |
| ST. 125 | Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2023 | 2 Disember 2024 |
| ST. 126 | AKTA FI 1951 Perintah Fi (Fotograf) (Jabatan Penerangan Malaysia) 2024 P.U. (A) 211/2024 diwartakan pada 9 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 135 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 8/2024 diwartakan pada 16 Januari 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 136 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2024 P.U. (A) 46/2024 diwartakan pada 8 Februari 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 137 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat (Taiping-Banting)) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 81/2024 diwartakan pada 8 Mac 2024 | 2 Disember 2024 |

| <u>TAHUN 2024</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|--------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 138 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2024 P.U. (A) 105/2024 diwartakan pada 3 April 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 139 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 4) 2024 P.U. (A) 137/2024 diwartakan pada 29 Mei 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 140 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 5) 2024 P.U. (A) 172/2024 diwartakan pada 28 Jun 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 141 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 6) 2024 P.U. (A) 183/2024 diwartakan pada 4 Julai 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 142 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 7) 2024 P.U. (A) 227/2024 diwartakan pada 29 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 143 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 8) 2024 P.U. (A) 228/2024 diwartakan pada 29 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 144 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting)) (Pindaan) (No. 2) 2024 P.U. (A) 231/2024 diwartakan pada 30 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |

| <u>TAHUN</u> <u>2024</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|---|--|--|
| ST. 145 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Lembah Klang Selatan) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 232/2024 diwartakan pada 30 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 146 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 9) 2024 P.U. (A) 239/2024 diwartakan pada 12 September 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 175 | AKTA PILIHAN RAYA 1958 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 217/2024 diwartakan pada 15 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 176 | AKTA PILIHAN RAYA 1958 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 215/2024 diwartakan pada 15 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |
| ST. 177 | AKTA PILIHAN RAYA 1958 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 216/2024 diwartakan pada 15 Ogos 2024 | 2 Disember 2024 |